

MMC-Gamuda dipilih kontraktor terbaik

SYARIKAT usaha sama MMC Corporation-Gamuda Bhd dipilih memenangi Anugerah Kontraktor Terbaik pada Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2008.

MMC-Gamuda terbabit dalam pelaksanaan projek landasan kereta api berkembar di antara Ipoh dan Padang Besar.

MCIEA ialah anugerah berprestij kepada peserta industri oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Datuk Krishnan Tan, Pengerah Urusan dan Pengerah Projek IJM Construction Sdn Bhd, sebuah unit dalam kumpulan IJM, menerima Anugerah Peserta Utama industri.

IJM Construction menerima Anugerah Khas bagi Keselamatan dan Kesihatan, selain Anugerah Khas bagi Inovasi.

Gading Kencana Sdn Bhd, sebuah syarikat perkhidmatan tenaga, menerima Anugerah Kontraktor bagi Gred G6.

MCIEA menawarkan enam kategori anugerah – kontraktor, anugerah khas, projek pembangunan dan penyelidikan, anugerah pencapaian antarabangsa, anugerah individu dan anugerah kontraktor terbaik.

Majlis penyampaian anugerah dirasmikan Menteri Kerjaya, Datuk Mohd Zin Mohamed.